

**BAHAGIAN 1**

**PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN  
ASAS DAN SYARIKAT BAGI  
PEROLEHAN BEKALAN DAN  
PERKHIDMATAN**

<b>1.</b>	<b>LATAR BELAKANG</b> .....	<b>4</b>
<b>2.</b>	<b>SKOP PENDAFTARAN</b> .....	<b>5</b>
2.1.1	Akaun Asas;.....	5
2.1.2	Akaun MOF .....	6
<b>3.</b>	<b>PENDAFTARAN AKAUN ASAS</b> .....	<b>6</b>
3.1	Keperluan Pendaftaran Akaun Asas.....	6
3.2	Sijil Digital .....	7
3.3	Penyelenggaraan Akaun Asas .....	8
<b>4.</b>	<b>PENDAFTARAN AKAUN MOF</b> .....	<b>8</b>
4.1.	Cara Memohon .....	8
4.2.	Kadar Bayaran Pendaftaran Dan Lain-Lain Caj Berkaitan.....	10
4.3.	Sijil Digital .....	12
4.4.	Cara Bayaran Pendaftaran.....	12
4.5.	Dasar Pendaftaran .....	12
<b>5.</b>	<b>SYARAT-SYARAT UNTUK BERDAFTAR</b> .....	<b>16</b>
<b>6.</b>	<b>LAWATAN PEMERIKSAAN DAN PENGESAHAN / AUDIT</b> .....	<b>28</b>
<b>7.</b>	<b>LESEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b> .....	<b>28</b>
<b>8.</b>	<b>PEKERJA SYARIKAT</b> .....	<b>28</b>
<b>9.</b>	<b>SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT/ SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA</b> .....	<b>29</b>
<b>10.</b>	<b>BORANG PENGISYTIHARAN DAN DOKUMEN SOKONGAN</b> .....	<b>29</b>
<b>11.</b>	<b>TEMPOH SAH LAKU</b> .....	<b>29</b>
<b>12.</b>	<b>PIAGAM PELANGGAN</b> .....	<b>29</b>
<b>13.</b>	<b>DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DISERTAKAN BERSAMA BORANG PERMOHONAN</b> .....	<b>30</b>
<b>14.</b>	<b>PERINGATAN</b> .....	<b>34</b>
<b>15.</b>	<b>PENAFIAN</b> .....	<b>35</b>
<b>16.</b>	<b>PERTANYAAN</b> .....	<b>35</b>

**PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN ASAS DAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**

**BAHAGIAN PEROLEHAN KERAJAAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA**

**Versi 1/2018  
(Pindaan 2020)**

**Hak Cipta Terpelihara**

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dengan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara yang bertujuan mendapatkan keuntungan sebelum mendapat izin bertulis daripada pengeluar.

**Setiausaha,  
Bahagian Perolehan Kerajaan,  
Kementerian Kewangan Malaysia,  
Aras Bawah, 3, 4 & 5 Blok Utara,  
Kompleks Kementerian Kewangan,  
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62592 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.**

No. Tel : 03-88823000/3166/4341

No. Faks : 03-88824337

## 1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Panduan pendaftaran ini secara keseluruhannya menerangkan dasar dan tatacara permohonan pendaftaran Syarikat/ Perniagaan/ Pertubuhan/ Koperasi/Persatuan/Individu bagi Akaun Asas dan Akaun Kementerian kewangan (MOF) serta senarai kod bidang pendaftaran. Panduan ini juga terpakai bagi Firma Perunding dalam membuat permohonan pendaftaran dengan Kementerian Kewangan melalui Modul Pengurusan Pembekal di dalam Sistem ePerolehan.
- 1.2 Panduan ini boleh dijadikan rujukan kepada Agensi Kerajaan tentang penggunaan kod bidang bagi sesuatu bekalan/perkhidmatan yang ingin diperolehi selaras dengan tatacara dan peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa. Setiap perolehan hendaklah mengikut prinsip perolehan iaitu akauntabiliti awam, diurus secara telus, nilai faedah terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama.
- 1.3 Panduan ini diharap dapat memudahkan urusan berkaitan perolehan Kerajaan oleh pihak-pihak yang berkaitan sama ada Agensi Kerajaan mahupun pihak Swasta.
- 1.4 Selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) dan Arahan Perbendaharaan (AP) 166.1, 166.2(i), 166.2(ix), 166.2(x), 184.2, 184.3 serta 1Pekeliling Perbendaharaan 1PP/PK5 dan 1PP/PK8, semua syarikat yang ingin mengurusniaga dengan Kerajaan hendaklah berdaftar dengan MOF. Oleh yang demikian, syarikat hendaklah membuat perancangan awal dan memberi fokus dalam bidang perniagaan yang diceburi untuk meningkatkan keupayaan, kebolehan dan daya saing. Sehubungan dengan itu, pemilihan kod bidang hendaklah bersesuaian dengan bidang yang diceburi dan yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau lain-lain Undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.
- 1.5 Bagi maksud panduan pendaftaran ini, syarikat dirujuk sebagai Syarikat/Perniagaan/Pertubuhan/Koperasi/Persatuan/Individu atau semua entiti yang diperbadankan/didaftarkan di Malaysia.
- 1.6 Semua permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui Modul Pengurusan Pembekal, Sistem ePerolehan di portal [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my). **MOF tidak pernah melantik mana-mana pihak lain untuk urusan pendaftaran dengan MOF.** Selaras dengan hasrat Kerajaan supaya komuniti perniagaan celik *ICT*, adalah disarankan supaya permohonan untuk berdaftar dilakukan sendiri oleh syarikat dan bagi

meningkatkan keselamatan maklumat, integriti dan tadbir urus korporat.

- 1.7 Kerajaan Malaysia dan MOF adalah tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian kepada syarikat setelah berdaftar dengan MOF dan penggunaan mana-mana maklumat yang diperolehi daripada portal [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my). Kelulusan pendaftaran ini tidak mengikat Kerajaan untuk menawarkan sebarang perolehan Kerajaan kepada syarikat. Syarikat juga boleh dikenakan tindakan tatatertib jika tidak mematuhi syarat pendaftaran, peraturan kewangan dan obligasi kontrak atau prestasi tidak memuaskan dalam menyertai apa-apa perolehan Kerajaan.
- 1.8 Syarikat diingatkan apa-apa perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima sesuatu suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan Kerajaan merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 1.9 Syarikat hendaklah juga sentiasa mengamalkan tadbir urus korporat yang baik (*good governance*), telus dan berintegriti supaya matlamat untuk membentuk komuniti perniagaan yang berdaya saing dan boleh menghadapi arus globalisasi dapat direalisasikan.

## **2. SKOP PENDAFTARAN**

- 2.1 Semua syarikat yang ingin mengurus niaga dengan Kerajaan Persekutuan hendaklah berdaftar dengan MOF melalui salah satu akaun berikut :
  - 2.1.1 Akaun Asas;
    - (a) Pendaftaran Akaun Asas ini adalah terpakai kepada syarikat berstatus warganegara Malaysia yang ingin bertransaksi dengan Kerajaan bagi perolehan bernilai sehingga RM20,000 setahun sahaja;
    - (a) Syarikat/ Perniagaan/ Pertubuhan/ Koperasi/ Persatuan hendaklah berdaftar dengan pihak berkuasa yang berkenaan mengikut peraturan semasa yang berkuatkuasa (contoh : Pendaftaran perniagaan di Sarawak berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan).
    - (b) Bagi pendaftaran individu, dihadkan kepada perkhidmatan

tertentu sahaja iaitu pembekalan makanan bermasak Islam/bukan Islam, perkhidmatan membersihkan dan mencuci bangunan, bidan, penggali kubur, penyewaan sampan dan perkhidmatan alternatif.

#### 2.1.2 Akaun MOF

- (b) Pendaftaran Akaun MOF ini adalah terbuka kepada syarikat yang ingin bertransaksi dengan Kerajaan berdasarkan kod bidang pendaftaran tertentu tanpa had nilai ;
- (c) Syarikat/ Perniagaan/ Pertubuhan/ Koperasi/ Persatuan hendaklah berdaftar dengan pihak berkuasa yang berkenaan mengikut peraturan semasa yang berkuatkuasa (contoh: Pendaftaran perniagaan di Sarawak berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan).

### 3. PENDAFTARAN AKAUN ASAS

#### 3.1 Keperluan Pendaftaran Akaun Asas

- 3.1.1 Syarikat hendaklah memastikan **seorang Pentadbir Pembekal** dilantik semasa membuat permohonan pendaftaran bagi membolehkan semua urusan pendaftaran/pengurusan akaun dan mengurus niaga dalam perolehan Kerajaan. Syarikat boleh melantik maksimum tiga (3) orang Personel Yang Diberi Kuasa untuk diisytiharkan di dalam Sistem ePerolehan (eP).
- 3.1.2 Sekiranya Syarikat mempunyai lebih daripada seorang personel, maka Pentadbir Pembekal tersebut boleh melantik sama ada Pengguna Pembekal dan/atau Pengguna Katalog seperti dalam Peranan dan Fungsi Pembekal Bagi Sistem eP Baharu seperti di **Lampiran 1**.
- 3.1.3 Syarikat hendaklah mempunyai akaun simpanan/semasa yang aktif atas nama syarikat. Hanya akaun bank yang didaftarkan sahaja boleh digunakan bagi tujuan pembayaran.
- 3.1.4 Syarikat dibenarkan untuk menaiktaraf pendaftaran kepada Akaun MOF bagi perolehan bekalan/perkhidmatan (bukan perunding) pada bila-bila masa sahaja.

- 3.1.5 Syarikat hendaklah memastikan alamat emel yang didaftarkan dalam Akaun Asas adalah sah dan aktif untuk digunakan sebagai medium perhubungan rasmi serta pengaktifan akaun dan Sijil Digital. Perubahan alamat emel hendaklah dikemas kini dengan kadar segera.
- 3.1.6 Bagi membolehkan syarikat mengakses Sistem eP, perkara berikut hendaklah dilaksanakan :
- (a) Membuat pengaktifan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas menerima emel pertama yang mengandungi kod pengaktifan untuk mencipta ID log masuk;
  - (b) Menukar kata laluan setelah menerima emel kedua yang mengandungi kata laluan sementara.
- 3.1.7 Bagi membolehkan urusniaga dengan perolehan Kerajaan dilaksanakan, syarikat hendaklah mengambil tindakan berikut :
- (a) Memuat naik sekurang-kurangnya satu katalog mengikut jenis produk atau perkhidmatan yang ditawarkan ke dalam Sistem eP. Katalog ini boleh dikemas kini pada bila-bila masa mengikut keperluan;
  - (b) Mempunyai sijil digital yang masih sah laku. Bagi pendaftaran Individu, hanya satu Sijil Digital sahaja yang dibenarkan. Manakala bagi pendaftaran selain individu, Sijil Digital hanya terhad kepada tiga (3) pengguna sahaja iaitu bagi peranan Pentadbir Pembekal dan Pengguna Pembekal.

## **3.2 Sijil Digital**

- 3.2.1 Sijil digital akan diberikan kepada Pentadbir Pembekal secara percuma untuk tempoh tiga (3) tahun pertama sahaja. Bagi setiap tambahan pengguna seterusnya dan pembaharuan Sijil Digital akan dikenakan bayaran sebanyak RM120.00 untuk tempoh tiga (3) tahun.
- 3.2.2 Semua permohonan sijil digital akan disahkan oleh Pihak Berkuasa Pemerakuan selaras dengan Akta Tandatangan Digital 1997. Selepas permohonan sijil digital disahkan, syarikat hendaklah mengambil tindakan seperti berikut :

- (a) Menerima emel yang mengandungi pautan untuk menetapkan soalan keselamatan dan no pin Sijil Digital; dan
  - (b) Syarikat hendaklah memastikan no pin sijil digital disimpan bagi tujuan transaksi dalam Sistem eP.
- 3.2.3 Bagi tambahan sijil digital kedua dan seterusnya, pembayaran hanya boleh dibuat secara atas talian melalui kaedah Gerbang Pembayaran Elektronik (*Payment Gateway*) iaitu *Financial Process Exchange* (FPX), Kad Debit atau Kad Kredit. Syarikat perlu mempunyai akaun perbankan elektronik dengan mana-mana bank yang menyertai FPX. Untuk pembayaran menggunakan FPX dan Kad Debit, syarikat hendaklah terlebih dahulu mengaktifkan transaksi atas talian dengan Institusi Kewangan masing-masing.

### **3.3 Penyelenggaraan Akaun Asas**

- 3.3.1 Sekiranya akaun ini tidak di akses dalam tempoh setahun, akaun ini akan dinyahaktifkan oleh sistem. Walau bagaimanapun, sijil digital masih aktif sehingga tempoh tiga (3) tahun.
- 3.3.2 Syarikat boleh mengaktifkan semula akaun sekiranya perlu. Sijil digital bagi pengguna yang sama sekiranya tempoh sah laku sijil digital tersebut masih berkuat kuasa.
- 3.3.3 Sekiranya syarikat ingin menggantikan Pentadbir Pembekal sedia ada di atas apa-apa sebab, syarikat hendaklah mengemukakan maklumat Pentadbir Pembekal sedia ada meneruskan transaksi.
- 3.3.4 Adalah menjadi tanggungjawab syarikat untuk memastikan maklumat yang diberikan adalah benar. MOF boleh mengambil tindakan terhadap syarikat sekiranya berlaku pemalsuan semasa pendaftaran.

## **4. PENDAFTARAN AKAUN MOF**

### **4.1. Cara Memohon**

- 4.1.1 Semua permohonan pendaftaran hendaklah dibuat secara atas talian melalui Sistem ePerolehan (eP) di portal [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my). Jenis-jenis permohonan pendaftaran adalah seperti berikut:



**a) Baharu**

Permohonan Baharu adalah permohonan kali pertama bagi syarikat yang belum pernah berdaftar dengan MOF atau syarikat yang telah dibatalkan secara automatik oleh sistem kerana tidak memperbaharui sijil selepas setahun daripada tarikh luput pendaftaran atau syarikat yang dibatalkan pendaftaran atas permintaan syarikat.

**b) Pembaharuan**

Permohonan Pembaharuan adalah permohonan yang telah berdaftar dengan MOF sama ada masih sah laku atau telah tamat tempoh pendaftaran. Permohonan ini hendaklah dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat pendaftaran semasa.

**c) Tambah Bidang**

Permohonan Tambah Bidang adalah permohonan untuk menambah bidang bagi syarikat yang telah berdaftar dan masih sah laku. Tambahan kod bidang tidak akan dipertimbangkan jika dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh pendaftaran semasa.

**d) Kemas Kini Profil**

Permohonan Kemaskini Profil adalah permohonan untuk membuat perubahan maklumat syarikat secara *online* seperti pertukaran alamat, pemilik, lembaga pengarah, pengurusan, kakitangan dan sebagainya. Pembatalan kod bidang / penambahan kod bidang tidak boleh dilakukan melalui kemaskini profil.

**e) Taraf Bumiputera**

Permohonan Taraf Bumiputera adalah permohonan untuk syarikat mendapatkan pengiktirafan taraf Bumiputera. Permohonan hendaklah dikemukakan selepas syarikat didaftarkan.

4.1.2 Dokumen sokongan yang lengkap boleh dikemukakan seperti berikut:

- (a) Secara manual (*hard copy*) melalui pos atau serahan kaunter di alamat seperti berikut:

M.S. 9/45

- (i) Semenanjung  
Setiausaha,  
Bahagian Perolehan Kerajaan,  
Kementerian Kewangan Malaysia,  
Aras Bawah, Blok Utara,  
Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia,  
No. 5 Persiaran Perdana,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 2,  
**62592 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.**  
**(u.p.: Unit Pendaftaran Syarikat)**
  
- (ii) Sabah  
Pegawai Kewangan Persekutuan  
Perbendaharaan Malaysia Sabah  
Tingkat 2, Rumah Persekutuan Jalan Mat Salleh  
88592 Kota Kinabalu, SABAH  
(u.p.: Unit Pendaftaran Kontraktor)
  
- (iii) Sarawak  
Pegawai Kewangan Persekutuan  
Perbendaharaan Malaysia Sarawak  
Tingkat 16, Bangunan Sultan Iskandar Jalan Simpang 3  
**93592 Kuching, SARAWAK**  
**(u.p.: Unit Pendaftaran Kontraktor)**

Atau;

- (b) Secara atas talian (*online*) melalui Sistem eP di portal [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my). Semua dokumen yang dimuat naik adalah dalam format berbentuk .doc, .docx dan .pdf sahaja.

4.1.3 Semua permohonan hendaklah diisytiharkan dalam tempoh 60 hari dari tarikh mula penciptaan permohonan. Jika permohonan tidak diisytiharkan dalam tempoh tersebut, permohonan pendaftaran akan terbatal secara atas talian.

## **4.2. Kadar Bayaran Pendaftaran Dan Lain-Lain Caj Berkaitan**

4.2.1 Bayaran untuk pendaftaran syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) terbahagi kepada dua (2) iaitu Bayaran Proses dan Bayaran Pendaftaran.

- 4.2.2 Bayaran Proses hendaklah dibuat setelah permohonan diisytiharkan secara atas talian.
- 4.2.3 Bayaran proses tidak akan dikenakan bagi permohonan yang ditolak sekiranya serahan semula dikemukakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh permohonan pertama ditolak.
- 4.2.4 Bayaran proses yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan sekiranya syarikat membuat permohonan pembatalan setelah diisytiharkan.

Akta Fi 1951

Perintah Fi (Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan) 2017

Bil	Jenis Permohonan	Bayaran Proses (RM)
1.	Baharu	RM50.00/permohonan
2.	Pembaharuan	RM50.00/permohonan

- 4.2.5 Bayaran pendaftaran yang dikenakan perlu dibuat setelah pendaftaran diluluskan dan kadar bayaran adalah seperti berikut:-

Bil	Jenis Permohonan	Kadar bayaran pendaftaran	Tempoh	Catatan
1.	Baharu	RM400.00	3 tahun	Maksimum 30 kod bidang
2.	Pembaharuan	RM400.00	3 tahun	Maksimum 30 kod bidang
3.	Tambah Bidang	Tiada caj dikenakan	Tertakluk kepada tempoh sahlaku pendaftaran	-
4	Kemas Kini Profil	Tiada caj dikenakan	-	-
5.	Taraf Bumiputera	Tiada caj dikenakan	Tertakluk kepada tempoh sahlaku pendaftaran	-

### 4.3. Sijil Digital

- 4.3.1 Syarikat yang telah berdaftar akan diberikan sijil digital untuk bertransaksi dengan Kerajaan Persekutuan.
- 4.3.2 Sijil digital akan diberikan kepada Pentadbir Pembekal secara percuma untuk tempoh tiga (3) tahun pertama sahaja. Bagi setiap tambahan pengguna seterusnya dan pembaharuan Sijil Digital akan dikenakan bayaran sebanyak RM120.00 untuk tempoh tiga (3) tahun.

### 4.4. Cara Bayaran Pendaftaran

- 4.4.1 Pembayaran hanya boleh dibuat secara atas talian melalui kaedah Gerbang Pembayaran Elektronik (*Payment Gateway*) iaitu *Financial Process Exchange (FPX)*, Kad Debit atau Kad Kredit. Pembekal perlu mempunyai akaun perbankan elektronik dengan mana-mana bank yang menyertai FPX. Untuk pembayaran menggunakan FPX dan Kad Debit, syarikat hendaklah terlebih dahulu mengaktifkan transaksi atas talian dengan Institusi Kewangan masing-masing.
- 4.4.2 Pembayaran pendaftaran hendaklah dibuat dalam tempoh 60 hari sebaik sahaja status permohonan "**Menunggu Pembayaran**". Jika pembayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut permohonan pendaftaran terbatal secara automatik.

### 4.5. Dasar Pendaftaran

- 4.5.1 Semua perniagaan/syarikat/pertubuhan/firma yang diperbadankan/didaftarkan di Malaysia boleh berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- 4.5.2 Klasifikasi pendaftaran baharu disenaraikan seperti berikut:
  - (a) Pendaftaran Baharu Bidang Biasa;
  - (b) Pendaftaran Baharu Bidang Khas;
  - (c) Pendaftaran Baharu Bidang Khas 51% Bumiputera; dan
  - (d) Pendaftaran Baharu Bidang Khas 100% Bumiputera (agen pengembaraan dan percetakan).

**Nota: Semua permohonan baharu akan diberi taraf daftar sahaja. Untuk taraf Bumiputera, permohonan hendaklah dikemukakan selepas syarikat didaftarkan.**

4.5.3 Permohonan baharu yang telah didaftarkan dengan MOF tidak dibenarkan melakukan sebarang perubahan ke atas pemilik/lembaga pengarah/pengarah/ personel pengurusan/pekerja dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh didaftarkan.

4.5.4 Permohonan bidang khas/pembuat hendaklah dibuat secara berasingan dengan bidang biasa kerana memerlukan lawatan ke premis.

4.5.5 Permohonan taraf Bumiputera berdasarkan kriteria seperti di bawah:

(a) Daftar Bertaraf Bumiputera (51%)

- (i) Syarikat dimiliki oleh Warganegara Malaysia dari segi penguasaan dan pegangan ekuiti, Lembaga Pengarah, Pengurusan, kakitangan, struktur/carta organisasi dan fungsi pengurusan sekurang- kurangnya 51% oleh Bumiputera. Baki 49% saham boleh dikuasai oleh bukan Bumiputera dan asing.
- (ii) Jawatan Ketua Eksekutif, Pengarah Urusan, Pengurus Besar dan jawatan- jawatan penting lain (*key-post*) hendaklah dipegang oleh Bumiputera sekurang-kurangnya 51%.
- (iii) Pengurusan Kewangan dari segi penandatanganan cek dan dokumen penting kewangan syarikat hendaklah ditandatangani oleh Bumiputera.
- (iv) Peratusan pegangan ekuiti tertinggi secara individu hendaklah dikuasai oleh Bumiputera. Manakala gaji/caruman KWSP tertinggi hendaklah dikuasai oleh Bumiputera.

(b) Daftar Bumiputera (100%)

- (i) Syarikat dimiliki oleh warganegara Malaysia. Pegangan ekuiti, Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pengurusan kewangan 100% dikuasai oleh Bumiputera.

**Nota: Pemberian taraf Bumiputera merupakan satu keistimewaan sahaja dan bukannya hak.** Kegagalan mematuhi kriteria taraf Bumiputera yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan membolehkan taraf Bumiputera yang telah diberi ke atas syarikat ditarik balik dan dibatalkan pada bila-bila masa tanpa sebarang notis. Lawatan pengesahan akan dilaksanakan berdasarkan konsep *'first come first serve'* bagi syarikat yang berdaftar di kawasan Lembah Klang sahaja.

- 4.5.6 Syarikat yang beroperasi dengan syarikat bukan Bumiputera yang tiada garis pemisah tidak layak memohon taraf Bumiputera sama ada syarikat bukan Bumiputera tersebut berdaftar atau tidak berdaftar dengan MOF.
- 4.5.7 Syarikat yang telah didaftarkan bertanggungjawab untuk mengemaskini maklumat secara atas talian sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam tempoh masa 21 hari dari tarikh perubahan tersebut berlaku. Sekiranya gagal, MOF boleh membatalkan pendaftaran atau mengambil lain-lain tindakan seperti di 1PP/PK8.
- 4.5.8 Individu yang diisytiharkan di dalam Sistem eP sahaja dibenarkan menguruskan dokumen dan urusan pendaftaran dengan MOF. Manakala hanya individu yang dinamakan di dalam Sijil Akaun Pendaftaran Kementerian Kewangan sahaja dibenarkan mengurus niaga dengan Kerajaan.
- 4.5.9 Sekiranya syarikat tidak membuat pembaharuan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh tamat pendaftaran, akaun MOF berkenaan akan terbatal secara automatik dan syarikat hendaklah membuat permohonan baharu. Sepanjang tempoh tersebut, Akaun MOF akan diturun taraf kepada Akaun Asas.
- 4.5.10 Dalam urusan perolehan, PAKATAN HARGA adalah dilarang sama sekali. Perkara ini adalah selaras dengan Akta Persaingan 2010. Oleh yang demikian, sebarang keadaan atau kemungkinan yang mana pada pandangan MOF boleh membawa/ mengakibatkan pendaftaran sesuatu syarikat ditolak, antaranya:
  - (a) Syarikat Bersekutu, syarikat induk dan anak syarikat tidak boleh berdaftar di bawah bidang yang sama.

- (b) Pemilik/pengarah yang sama dalam dua atau lebih syarikat tidak boleh didaftarkan dalam bidang yang sama. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab syarikat menjelaskan/ mengisytiharkan pemilikan modal mereka di dalam syarikat-syarikat lain. Jika gagal, nama beliau akan disenarai hitamkan dan semua syarikat ada kepentingannya akan disemak semula pendaftarannya.
  - (c) Syarikat yang beroperasi di premis yang sama (menggunakan akses masuk yang sama) tidak dibenarkan berdaftar dalam kod bidang yang sama.
  - (d) Syarikat yang menjalankan aktiviti perniagaan yang sama dan berkongsi premis sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan MOF adalah tidak dibenarkan.
- 4.5.11 Pengarah yang dilantik untuk mewakili Kerajaan Negeri/Persekutuan, Syarikat Pelaburan Kerajaan (GIC) seperti badan-badan berkanun, dikecualikan daripada Para 4.5.10.
- 4.5.12 Pemilik/Pengarah yang dilantik untuk mewakili Koperasi/Pertubuhan/Badan Amanah dikecualikan daripada Para 4.5.10 sahaja.
- 4.5.13 Pemilik/Pengarah bagi bidang Hotel/Resort (222501) juga dikecualikan dari para 4.5.10.
- 4.5.14 Pemilik/Pengarah bagi bidang Syarikat Insuran (221801) juga dikecualikan dari para 4.5.10.
- 4.5.15 MOF berhak melakukan lawatan pemeriksaan/audit ke premis syarikat pada bila-bila masa tanpa sebarang notis untuk menyemak dokumen dan maklumat berkaitan.
- 4.5.16 MOF boleh mempertimbangkan untuk memberi maklumat syarikat / firma perunding kepada agensi Kerajaan bagi tujuan perolehan Kerajaan serta kepada pihak ketiga bagi tujuan penambahbaikan dalam Sistem Penyampaian Kerajaan.
- 4.5.17 Semua dokumen yang dikemukakan adalah hakmilik Kerajaan selepas permohonan diluluskan atau permohonan ditolak selepas lawatan/audit.

- 4.5.18 Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan MOF seperti di bawah perlu membuat permohonan pembatalan pendaftaran dengan MOF dan mengemukakan permohonan baharu sekiranya :
- (a) Syarikat yang membuat perubahan secara keseluruhan pemilik, pengarah, pengurusan dan penandatanganan cek syarikat.
  - (b) Perniagaan pemilikan tunggal / perkongsian yang menukar nama perniagaan.
  - (c) Perniagaan pemilikan tunggal / perkongsian yang menaik taraf kepada pendaftaran di bawah Akta Syarikat 2016 (Sendirian Berhad) atau Pendaftaran Perkongsian Lialibiti Terhad 2012.
- 4.5.19 Syarikat yang bertaraf Bumiputera yang didapati tidak lagi mematuhi perkara 4.5.17 akan mengakibatkan taraf Bumiputera ditarik balik.
- 4.5.20 MOF boleh mengemukakan maklumat syarikat kepada Agensi Kerajaan yang lain bagi tujuan perolehan Kerajaan serta kepada pihak ketiga untuk menambah baik sistem penyampaian Kerajaan.
- 4.5.21 MOF tidak akan mengeluarkan sebarang surat perakuan/kebenaran lisan kepada syarikat untuk menyertai sesuatu perolehan Kerajaan. MOF juga tidak akan membuat sebarang pengesahan secara lisan atau bertulis berkaitan maklumat syarikat kepada pihak ketiga bagi apa-apa tujuan.
- 4.5.22 Syarikat tidak dibenarkan membuat sebarang permohonan lain (contoh: membatalkan kod bidang dengan tujuan tambahan bidang berlainan), sekiranya masih terdapat permohonan yang masih belum selesai.
- 4.5.23 Syarikat hendaklah memastikan pendaftaran dengan MOF berkuat kuasa sepanjang tempoh pelaksanaan perolehan/projek/kajian dengan Agensi Kerajaan. Sekiranya gagal, MOF boleh mengambil tindakan seperti dinyatakan dalam 1PP/PK8.

## **5. SYARAT-SYARAT UNTUK BERDAFTAR**

### **5.1 Syarat-syarat Am**

#### **5.1.1 Modal Berbayar/Terkumpul**



- (a) Syarikat hendaklah mempunyai modal berbayar/terkumpul sekurang-kurangnya RM 2,500.00 kecuali bagi bidang berikut:
  - (i) Bidang Khas bertaraf **100% Bumiputera** dan **51% Bumiputera** modal berbayar/terkumpul **sekurang-kurangnya RM50,000.00**
  - (ii) Bidang Khas **Multimodal Transport Operator (MTO)** modal berbayar/terkumpul **sekurang-kurangnya RM2,000,000.00**
  - (iii) Bidang **Khas Bengkel, Limbungan dan Pembuat** modal berbayar/terkumpul sekurang-kurangnya **RM50,000.00**

#### 5.1.2 Had Bidang Pendaftaran Baru / Pembaharuan

- (a) Had bidang bagi pendaftaran baru / pembaharuan syarikat hanya dibenarkan maksimum tiga puluh (30) kod bidang sahaja. Seperti berikut :

Jenis Premis	Bidang
Pejabat Perniagaan	Maksimum 30 bidang
Rumah Kediaman	Maksimum 30 bidang

- (b) Syarikat yang mempunyai kod bidang kurang daripada 30 kod bidang boleh membuat penambahan tertakluk kepada maksimum 30 kod bidang sahaja.
- (c) Syarikat boleh membatalkan kod bidang sedia ada secara atas talian tertakluk kepada syarat berikut:
  - (i) Sekurang-kurangnya satu (1) kod bidang dikekalkan.
  - (ii) Kod bidang yang telah dibatalkan tidak boleh ditambah semula dalam tempoh satu (1) tahun selepas tarikh pembatalan atau sehingga pembaharuan tertakluk kepada mana yang terdahulu.
- (d) Bagi kod bidang khas yang dibatalkan, permohonan semula tambah bidang khas adalah tertakluk kepada lawatan pengesahan dan pemeriksaan.

#### 5.1.3 Kategori Bidang Pendaftaran

- (a) Bidang yang dibenarkan beroperasi daripada rumah kediaman adalah seperti di **Lampiran A**.

- (b) Bidang Khas bertaraf Bumiputera 51% adalah seperti di **Lampiran B**.
- (c) Bidang Khas bertaraf Bumiputera 100% adalah seperti di **Lampiran C**.
- (d) Bidang Khas Bengkel/Limbungan/Pembuat adalah seperti di **Lampiran D**.

#### 5.1.4 Akaun Bank

- (a) Syarikat hendaklah mempunyai akaun semasa yang aktif atas nama syarikat. Syarikat hendaklah mengemukakan sekurang-kurangnya (satu) 1 bulan salinan penyata bank terkini sebagai bukti. Bagi syarikat baru berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang belum ada penyata bank, memadai dengan mengemukakan **bank-in slip** yang mempunyai cetakan berkomputer untuk tujuan pengesahan.
- (b) Alamat syarikat pada penyata akaun semasa bagi semua permohonan Bidang Khas bertaraf Bumiputera/Bengkel/Limbungan/Pembuat dan taraf Bumiputera hendaklah sama dengan alamat operasi yang diisytiharkan di dalam Sistem eP.
- (c) Akaun yang diisytiharkan dalam Sistem eP sahaja yang akan digunakan bagi tujuan tuntutan pembayaran. Syarikat juga dibenarkan mengisytihar lebih daripada satu akaun di dalam Sistem eP.

#### 5.1.5 Jenis Aktiviti/Perniagaan Yang Didaftarkan dibawah Undang-undang Berkuatkuasa

- (a) Syarikat yang berdaftar dengan SSM di bawah Akta Syarikat 1965/2016. Bidang-bidang yang dipohon untuk didaftarkan hendaklah selaras seperti yang dinyatakan pada *Memorandum And Articles of Association* atau jenis perniagaan dalam Seksyen 14, Akta Syarikat 1965/2016.
- (b) Syarikat yang berdaftar dengan SSM di bawah Akta Perniagaan 1956, bidang- bidang yang dipohon untuk didaftarkan hendaklah selaras dengan jenis perniagaan yang dinyatakan

dalam Borang D/E/B dan Borang (maklumat perniagaan) Pendaftar Perniagaan.

- (c) Syarikat yang berdaftar dengan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, bidang-bidang yang dipohon untuk didaftarkan hendaklah selaras dengan jenis perniagaan dalam Pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT).
- (d) Syarikat yang berdaftar di Sabah dan Sarawak, pendaftaran perniagaan adalah mengikut undang-undang negeri masing-masing.
- (e) Syarikat yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan, bidang-bidang yang dipohon hendaklah selaras dengan Undang-undang Tubuh Persatuan, Kelab, NGO dan Badan Amanah.
- (f) Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi, bidang yang boleh dipohon untuk didaftarkan hendaklah selaras dengan Undang-undang Tubuh Koperasi.
- (g) Syarikat yang ditubuhkan di bawah undang-undang selain daripada di atas, bidang yang dipohon adalah tertakluk kepada Undang-undang Tubuh masing-masing.

#### 5.1.6 Lesen-Lesen Dan Surat Kelulusan

- (a) Bagi bidang yang memerlukan apa-apa lesen, permit atau surat kelulusan seperti di **Lampiran E**, syarikat perlu memiliki lesen yang masih sah laku dan alamat yang tertera hendaklah sama seperti yang diisytiharkan di dalam Sistem ePerolehan.

#### 5.1.7 Caruman KWSP Pekerja

- (a) Penyata caruman KWSP (Borang A dan resit bayaran) sekurang-kurangnya seorang pekerja yang **terkini** adalah **diwajibkan** kepada permohonan pendaftaran bagi bidang-bidang berikut:
  - (i) Permohonan baharu bagi bidang ICT dan bidang khas seperti di perenggan 5.2 hingga 5.5;

- (ii) Permohonan pembaharuan bagi syarikat yang beroperasi dari premis perniagaan, bidang ICT dan bidang khas;
  - (iii) Permohonan tambah bidang bagi bidang ICT dan bidang khas; dan
  - (iv) Permohonan taraf Bumiputera.
- (b) Syarikat yang beroperasi daripada rumah adalah dikecualikan daripada mengemukakan penyata caruman KWSP.
  - (c) Syarikat hendaklah memastikan alamat utama perniagaan adalah sama dengan alamat yang tercatat pada penyata caruman KWSP seperti mana yang diisytiharkan dalam Sistem ePerolehan.

#### 5.1.8 Premis Perniagaan

- (a) Semua syarikat hendaklah beroperasi dari premis perniagaan kecuali bidang yang dibenarkan seperti di **Lampiran A**.
- (b) Syarikat yang beroperasi daripada rumah kediaman/ menggunakan alamat rumah kediaman adalah diwajibkan untuk mengemukakan lesen daripada Pihak Berkuasa Tempatan / Majlis Daerah sekiranya rumah kediaman/alamat rumah kediaman tersebut diikrarkan sebagai premis perniagaan.
- (c) Syarikat yang beroperasi dari rumah kediaman di luar kawasan PBT perlu mengemukakan surat pengesahan daripada Pihak Berkuasa Tempatan / Majlis Daerah sekiranya rumah kediaman/alamat rumah kediaman tersebut diikrarkan sebagai premis perniagaan.
- (d) Syarikat hendaklah mempunyai pejabat operasi perniagaan yang sah sama ada milik sendiri atau disewa dan mematuhi syarat berikut:
  - (i) Tidak dibenarkan beroperasi di Kuarters Kerajaan dan rumah kediaman yang disewa daripada Kerajaan yang dikenakan sekatan;

- (ii) Dibenarkan beroperasi daripada rumah pusaka/keluarga/saudara mara dengan kebenaran secara bertulis dan hendaklah mengemukakan bukti pemilikan serta bil utiliti;
  - (iii) Tidak dibenarkan menggunakan alamat setiausaha syarikat sebagai alamat utama perniagaan (kecuali bagi setiausaha syarikat yang beroperasi bersekali dengan syarikat tersebut);
  - (iv) Tidak dibenarkan beroperasi menggunakan alamat pejabat maya (*On-Line*), Peti Pos (*P.O.Box*), *mailing box office services* dan lain-lain premis dimana kesahihan dan keupayaan syarikat sukar ditentukan; dan
  - (v) Tidak dibenarkan beroperasi dari rumah kediaman bagi bidang khas bertaraf Bumiputera, bengkel, limbungan dan pembuat. Syarikat hendaklah mempunyai pejabat/kilang yang sah sama ada disewa ataupun milik sendiri. Perjanjian Sewa yang dimatikan setem perlu dikemukakan sebagai bukti atau dokumen hak milik sekiranya milik sendiri.
- (e) Syarikat dikehendaki mengemukakan dokumen hak milik/surat perjanjian sewa beli atau perjanjian sewa premis yang dimatikan setem dan mengandungi maklumat lengkap seperti tempoh perjanjian, alamat premis, kadar sewa, nama pemilik dan penyewa dan tujuan penyewaan premis.
- (f) Syarikat hendaklah mempamerkan papan tanda nama syarikat di premis perniagaan yang diisytihar termasuk yang beroperasi dari rumah kediaman.
- (g) Syarikat boleh menggunakan sama ada talian tetap atau talian mudah alih yang boleh dihubungi pada bila-bila masa. Menggunakan nombor telefon setiausaha syarikat atau pihak ketiga yang tiada kaitan dengan syarikat adalah tidak dibenarkan.
- (h) Kilang/bengkel/bidang khas yang berada di luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan/atau beroperasi di atas tanah pertanian/kediaman tidak dibenarkan membuat permohonan kod bidang tersebut.

- (i) Syarikat yang memohon bidang Hotel/ Resort/ Motel/ Chalet/Pusat Latihan yang beroperasi di luar kawasan PBT perlu mengemukakan surat beroperasi di luar kawasan PBT atau agensi berkenaan dan Sijil Kelayakan Menduduki daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat. Lawatan pemeriksaan dan pengesahan akan dibuat.

## 5.2 Syarat-syarat Bidang Khas 100% Bumiputera

### 5.2.1 Bidang Percetakan – 221601 hingga 221614

- (a) Modal berbayar / terkumpul RM50,000.00
- (b) Penguasaan syarikat 100% Bumiputera kecuali pekerja 80% Bumiputera (20% Pekerja Bukan Bumiputera)
- (c) Lesen percetakan dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi bidang 221601 hingga 221608
- (d) Surat kelulusan Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (Jabatan Perdana Menteri) bagi bidang 221607 dan 221608
- (e) Minimum tiga (3) orang pekerja tetap yang dicarum KWSP tidak termasuk pemilik/pengarah
- (f) Syarikat yang mempunyai mesin cetak digital (*digital off-set*) merupakan satu kelebihan sahaja
- (g) Lesen PBT
- (h) Bidang ini memerlukan lawatan pengesahan kecuali bidang 221614.

### 5.2.2 Agen Pengembaraan - 221307

- (a) Modal berbayar / terkumpul RM50,000.00
- (b) Penguasaan syarikat 100% Bumiputera
- (c) Syarikat hendaklah mempunyai lesen akta Industri Pelancongan 1992 yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan pelancongan dalam negeri, perniagaan pelancongan luar negeri dan perniagaan agen pengembaraan
- (d) Minimum 3 orang pekerja tetap yang dicarum KWSP (ticketing, tourist guide dan pengurus/sales coordinator).
- (e) Syarikat diwajibkan untuk menggunakan salah satu aplikasi sistem ticketing iaitu sama ada sistem ticketing AMEDEUS, SABRE atau GALLILEO selain daripada diwajibkan untuk mematuhi syarat-syarat Inbound sahaja.
- (f) Syarikat francais kepada francaisor bukan Bumiputera tidak dibenarkan memohon bidang ini.

(g) Bidang ini memerlukan lawatan pengesahan

### 5.3 Syarat-syarat Bidang Khas 51% Bumiputera

#### 5.3.1 Bahan Bacaan Terbitan Luar Negara – 010101

- (a) Modal berbayar / terkumpul RM50,000.00
- (b) Penguasaan syarikat 51% Bumiputera
- (c) Kedai buku/ruang pameran
- (d) Sekurang-kurangnya 3 orang pekerja termasuk seorang penyelia
- (e) Caruman KWSP pekerja terkini
- (f) Senarai nama agen/syarikat pembekal buku terbitan luar negara
- (g) Bidang ini memerlukan lawatan pengesahan
- (h) Transaksi pembelian buku dari luar negara

#### 5.3.2 Pemilik Kapal - 221701

- (a) Modal berbayar / terkumpul RM50,000.00
- (b) Penguasaan syarikat 51% Bumiputera
- (c) Certificate Of Malaysian Registry (atas nama syarikat)
- (d) Bidang ini memerlukan lawatan pengesahan

#### 5.3.3 Broker Perkapalan - 221702

- (a) Modal berbayar / terkumpul RM50,000.00
- (b) Penguasaan syarikat 51% Bumiputera
- (c) Surat Perlantikan daripada Syarikat Perkapalan
- (d) Surat perjanjian dengan syarikat perkapalan yang dimatikan setem
- (e) Bidang ini memerlukan lawatan pengesahan

#### 5.3.4 Agen Perkapalan - 221703

- (a) Modal berbayar / terkumpul RM50,000.00
- (b) Penguasaan syarikat 51% Bumiputera
- (c) Surat Pelantikan daripada Jabatan Kastam Di Raja Malaysia

#### 5.3.5 Broker Insurans – 221802

- (a) Modal berbayar / terkumpul RM50,000.00
- (b) Penguasaan syarikat 51% Bumiputera
- (c) Lesen daripada Bank Negara Malaysia

- (d) Bidang ini memerlukan lawatan pengesahan

## 5.4 Syarat-syarat **Bidang Khas**

### 5.4.1 Pengangkutan Lori – 221704

- (a) Modal berbayar / terkumpul RM50,000.00
- (b) Perakuan Pendaftaran Kenderaan dan Permit Lori SPAD (atas nama syarikat dengan berat muatan lori (BDM) 5,001 kg ke atas)
- (c) Memiliki lori sendiri yang bersesuaian untuk tujuan pengangkutan
- (d) Minimum 2 orang pekerja tetap yang dicarum KWSP

### 5.4.2 Agen Penghantaran - 221705

- (a) Modal berbayar / terkumpul RM50,000.00
- (b) Surat Perlantikan daripada Jabatan Kastam Di Raja Malaysia

### 5.4.3 Pembungkusan Dan Penyimpanan – 221706

- (a) Modal berbayar / terkumpul RM50,000.00
- (b) Mempunyai gudang penyimpanan berlesen KASTAM dan PBT jika berkaitan

### 5.4.4 Multimodal Transport Operator (MTO) - 221709

- (a) Modal berbayar / terkumpul RM 2.0 Juta
- (b) Mempunyai tiga kod bidang asas 221704, 221705 dan 221706
- (c) Memenuhi kriteria seperti di Lampiran F
- (d) Bidang ini memerlukan lawatan pengesahan

### 5.4.5 Bengkel – 220102 hingga 220112, 220701 hingga 220707 dan 220709

- (a) Modal berbayar / terkumpul RM50,000.00
- (b) Polisi insuran perlindungan bengkel dan kenderaan pelanggan (minima RM100,000.00)
- (c) Polisi insuran perlindungan peralatan simulator (kod bidang 220705 – 220707)
- (d) Lesen daripada PBT
- (e) Senarai peralatan / kelengkapan bengkel / resit pembelian
- (f) Gambar mesin / peralatan dan bengkel
- (g) Minimum 3 orang pekerja yang dicarum KWSP (2 orang mekanik, 1 Kerani tidak termasuk pemilik / pengarah)
- (h) Bidang ini memerlukan lawatan pengesahan



5.4.6 Bot/Kapal/*Barge*/Kapal Selam/Jet Ski/Sampan (untuk limbungan dan tanpa limbungan) - 220701

- (a) Modal berbayar / terkumpul RM50,000.00
- (b) Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan
- (c) Polisi Insuran Perlindungan Bengkel/ Bot / Kapal pelanggan dan kenderaan pelanggan
